

## Kesan Hukuman Sebat terhadap Pesalah Jenayah Syariah di Aceh The Effect of Whipping Punishment on Syariah Criminal Convicts in Aceh

HAMDANI  
MUHAMAD HELMI MD SAID  
ZINATUL ASHIQIN ZAINOL

### ABSTRAK

*Hukuman sebat yang dilaksanakan menurut prinsip syariah seringkali ditohmah sebagai tidak berperikemanusiaan serta tidak berkesan. Artikel ini mengkaji kesan hukuman sebat terhadap pesalah yang telah dihukum sebat Syariah di Wilayah Aceh. Artikel ini mensasarkan kepada tiga objektif. Pertama, ia menganalisis prinsip dan pelaksanaan hukuman sebat syariah. Kedua, ia turut menganalisis serta mengenal pasti kesan pelaksanaan hukuman tersebut di Wilayah Aceh. Ketiga, ia turut mencadangkan metod pelaksanaan hukuman yang praktikal serta ideal. Secara keseluruhannya, artikel ini adalah berasaskan kepada sebuah kajian sosio-perundangan yang dianalisis secara kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual ke atas pesalah yang telah dihukum sebat, mereka yang ada disekeliling pesalah serta mereka yang melihat secara langsung hukuman sebat tersebut dilaksanakan. Data kemudiannya dianalisis kandungannya secara kritis. Kaedah pemerhatian turut diguna pakai dalam analisis. Hasil kajian mendapatkan para pesalah yang ditemubual mengakui merasa sangat malu kerana disebat di hadapan orang ramai. Mereka turut mengakui merasai kesan sakit akibat sebatan yang diterima. Para pesalah serta orang yang menyaksikan pelaksanaan hukuman sebat tersebut turut mengakui merasa insaf untuk tidak melakukan kesalahan di masa hadapan. Dapatan-dapatan di atas sebenarnya membuktikan bahawa hukuman sebat Syariah yang dilaksanakan di Wilayah Aceh sebenarnya berperikemanusiaan serta berkesan dalam mendidik pesalah dan masyarakat. Pelaksanaan hukuman tersebut di Aceh sebenarnya mampu untuk menjawab tomanan yang dilemparkan serta mendidik masyarakat akan keperimanusiaan dan keberkesanannya hukuman tersebut.*

*Kata kunci : Aceh; hukuman sebat; jenayah takzir; malu; masyarakat*

### ABSTRACT

*Whipping punishment conducted in accordance with syariah principles has always been accused of being inhumane as well as ineffective. This article analyses the effect of whipping punishments on convicts who have undergone syariah whippings in the Aceh Province. It strives at fulfilling three objectives. Firstly, it analyses the principles and application of syariah whipping punishment. Secondly, it analyses and identifies the effects of the implementation of the said punishment in the Aceh Province. Thirdly, it also suggests a practical and ideal method of implementing such punishment. Overall, this article is based on a socio-legal research that is analysed qualitatively. The data is collected via various interviews conducted on convicts who have undergone whipping sentence, those who are around the convicts as well as those who have actually witnessed the said punishment. The content of the data is then being critically analysed. Observation method also comes into play in the analysis. The research finds that the interviewed convicts admitted of being shamed when whipped in public. They also admitted of bearing physical pain resulting from such punishment. The convicts as well as those who witnessed the said punishment also admitted to repenting not to commit the offence in future. The above findings prove that syariah whipping punishment implemented in Aceh Province is humane and effective in educating convicts and society. Implementation of such sentence in Aceh is, in actual, capable of responding to all negative accusations and educating the society as well on the humanity and effectiveness of such punishments.*

*Keywords: Aceh; whipping punishment/sentence; takzir offence; repentance; society*

### PENDAHULUAN

Pelaksanaan hukuman sebat Syariah telah dilaksanakan di Wilayah Aceh, Indonesia.

Pelaksanaan hukuman sebat Syariah ini dikuatkuasakan melalui peruntukan Undang-undang Syariah yang berdasarkan Undang-Undang no. 44/1999 tentang Keistimewaan Aceh dan

Undang-Undang no.18/2001 tentang Otonomi Khusus. Kemudian Undang-undang Kanun no. 10/2002 tentang Peradilan Mahkamah Syariah dan Undang-undang no. 11/2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang ‘Aqi’ah, Ibadah, dan Syi’ar Islam telah diperkenalkan di Aceh. Selanjutnya Undang-undang no. 12, 13, dan 14/2003 berkaitan kesalahan meminum arak, kesalahan bermain judi dan kesalahan berkhawlāt juga turut diperkenalkan di Aceh. Hukuman sebat telah dilaksanakan terhadap pesalah-pesalah bersabit kesalahan di atas berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut.

Dalam pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam, hukuman dikenakan merupakan satu pembalasan ke atas perbuatan jahat yang telah dilakukan oleh seseorang. Penjatuhan hukuman ini disebut sebagai ‘*uqubah*’. Tanpa ‘*uqubah*’ yang sempurna maka matlamat Undang-undang Jenayah Islam tidak akan tercapai sehingga timbulnya persepsi bahawa Undang-undang Jenayah Islam dianggap tidak lengkap. Lantaran itu, timbul persoalan adakah pelaksanaan hukuman sebat Syariah di Aceh memenuhi matlamat peruntukan dan pelaksanaannya? Untuk menjawab soalan tersebut maka perbahasan ini akan melihat kepada kesan hukuman sebat Syariah terhadap pesalah yang telah dihukum sebat. Selain itu, artikel ini juga akan membincangkan kepada kesan hukuman sebat ini secara langsung kepada orang yang melihat hukuman sebat Syariah itu dilaksanakan. Adakah objektif pelaksanaan hukuman sebat tersebut bersesuaian dan mencapat matlamat serta sasaran peruntukan?

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana data kualitatif boleh memberikan huraian yang jelas dan penjelasan yang menunjukkan aliran kronologi peristiwa serta memberikan (peluang) untuk penemuan yang lebih baik. Menurut Miles dan Huberman, kajian kualitatif mempunyai kualiti yang tidak dapat dinafikan kerana mempunyai perkataan yang konkret dan lebih jelas meyakinkan pembaca daripada halaman-halaman bernombor. Ini bermakna bahawa kesan hukuman sebat hanya dapat diberikan gambaran dengan kata-kata apabila dijalankan temu bual secara mendalam. Selain itu, penyelidikan kualitatif itu sendiri menurut Bogdan dan Taylor didefinisikan sebagai prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif yang merupakan kata-kata bertulis atau lisan dari orang-orang atau

perilaku yang diamati. Untuk menjawab soalan mengenai kesan sebatan syariah terhadap pesalah jenayah syariah yang telah dihukum sebat di Aceh, maka kajian ini telah dilakukan temu bual khusus dengan pesalah jenayah syariah yang telah dihukum sebat dan orang-orang yang melihat hukuman sebat itu dilaksanakan. Temu bual dilakukan secara tidak berstruktur (*unstructured interview*). Temu bual dilakukan terhadap (empat) 4 orang pesalah jenayah syariah. Kemudian temu bual juga telah dilakukan dengan orang yang ada disekeliling pesalah jenayah syariah ketika hukuman tersebut dilaksanakan dan ini termasuklah suami, ibu, mertua, saudara atau adik beradik daripada pesalah jenayah syariah tersebut dan orang awam yang melihat hukuman sebat tersebut dilaksanakan. Kaedah temu bual dilakukan terhadap pesalah jenayah syariah dilakukan secara berasingan antara pesalah dengan pesalah yang lain bagi menghasilkan data yang bermutu. Data yang telah diperoleh akan dianalisis dengan metod analisis kualitatif.

#### LATAR BELAKANG ‘UQUBAH DAN KONSEP PENGHUKUMAN DALAM ISLAM

‘Uqubah merupakan perkataan dalam bahasa Arab yang berasal daripada kata perbuatan ‘*aqaba* yang bermaksud pembalasan atau hukuman. Terdapat sebahagian fuqaha yang menggunakan perkataan ‘*iqab*’, yang merujuk kepada makna yang serupa. Selain itu, terdapat juga fuqaha yang membezakan maksud ‘*uqubah* dengan ‘*iqab*’. Mereka berpendapat bahawa ‘*uqubah* khusus dalam bentuk pembalasan atau hukuman dunia. Manakala ‘*iqab* iaitu pembalasan atau hukuman yang akan diterima nanti di akhirat. Sedangkan ‘*uqubah* dalam skop yang lebih luas bolehlah ditakrifkan sebagai apa-apa juga bentuk hukuman yang diperuntukkan bagi pelbagai kesalahan, sama ada kesalahan akibat melanggar larangan agama ataupun kesalahan akibat tidak melakukan perkara-perkara yang telah diwajibkan untuk melaksanakannya (Mahmud Saedon Awang Otman 2000; Zaini Nasohah 2008).

Pada asasnya, hukuman yang dikenakan ke atas pesalah dalam Undang-undang Jenayah Islam berfungsi untuk melindungi individu dan masyarakat daripada sebarang anasir jahat serta menyelamatkan mereka daripada kebinasaan (Mat Saad Abdul Rahman 2000). Pada masa yang sama, hukuman tersebut dapat memberi pengajaran agar tidak mengulangi perbuatan jahat yang telah dilakukan. Sebagai contoh dalam kes jenayah yang membawa

kepada hukuman bunuh, hukuman ini diharapkan akan memberi pelajaran kepada orang ramai agar tidak melakukan perbuatan-perbuatan jenayah yang akan membawa kepada hukuman bunuh tersebut. Hukuman dapat menghalang orang ramai atau individu melakukan jenayah, hukuman juga akan mendorong manusia agar taat kepada Allah. Untuk penerangan yang lebih jelas, ‘hukuman’ dasarnya mempunyai tujuan sebagai berikut:

1. Hukuman tersebut bertujuan untuk mencegah pesalah jenayah syariah daripada mengulangi melakukan perbuatan jenayahnya setelah menerima hukuman yang setimpal dengan perbuatan jenayahnya. Hukuman tersebut juga akan mencegah orang lain yang bercita-cita atau mempunyai niat untuk melakukan jenayah yang sama daripada meneruskan hasratnya, apabila mengetahui bahawa hukuman berkenaan akan dikenakan ke atasnya sekiranya dia melakukan perbuatan jenayah tersebut.
2. Hukuman merupakan satu kaedah pemulihan, serta pengajaran kepada pesalah jenayah syariah dan masyarakat seluruhnya.
3. Hukuman yang setimpal dan adil dapat menghindarkan perbuatan menuntut bela atau membala dendam di luar batasan undang-undang sebagai akibat tidak puas hati mangsa dan keluarga terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atas pesalah jenayah syariah.
4. Hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah jenayah syariah diharapkan akan memberi keinsafan dan taubat.
5. Pelaksanaan suatu hukuman bukanlah untuk membala dendam, akan tetapi hukuman itu bertujuan untuk kebaikan pesalah jenayah syariah sendiri dan pada masa yang sama untuk melindungi masyarakat.
6. Hukuman yang ditetapkan oleh Syarak merupakan rahmat Allah untuk manusia keseluruhannya kerana dengan hukuman sedemikian akan membawa keamanan kepada masyarakat dan memberi kesedaran kepada pesalah jenayah syariah supaya tidak mengulangi perbuatannya.

Dalam hal pemulihan dan pengajaran kepada pesalah jenayah syariah dan masyarakat, Al-Mawardi menyatakan bahawa, *takzir* adalah sama seperti *hudud* daripada segi memberi pengajaran, memperbaiki dan juga menghalang seseorang melakukan jenayah (Muhammad Amar Adly et al.2013). Hukuman yang dikenakan juga dijatuhkan

setelah mengkaji dan meneliti faktor-faktor yang mendorong kesalahan jenayah dilakukan dari pelbagai aspek seperti status, kedudukan diri, serta tanggung jawab mereka semasa melakukan jenayah tersebut. Hukuman juga dijatuhkan tanpa mengetepikan kepentingan pesalah jenayah syariah. Sebagai contoh, dalam Islam terdapat perbezaan hukuman bagi penzina (*muhsan*) yang telah merasai nikmat persetubuhan melalui perkahwinan yang sah dengan penzina yang belum pernah berkawin (*ghayr muhsan*) (Yusuf Sinaga et al.2011). Islam juga membezakan antara hukuman jenayah pembunuhan yang dilakukan dengan sengaja dan hukuman jenayah pembunuhan yang dilakukan secara tidak sengaja.

Perkara terpenting dalam pelaksanaan hukuman jenayah ialah memfokuskan terhadap ‘orang yang melakukan jenayah sahaja’ atau pesalah jenayah syariah. Keadaan ini bagi melindungi masyarakat, mengawal ketenteraman awam, dan mengenakan hukuman terhadap pesalah dengan hukuman yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang. Oleh sebab itu tiada alasan bagi pihak lain untuk takut akan pelaksanaan hukuman Jenayah Islam, kononnya disebabkan kerasnya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah jenayah (Muhammad Abu Hasan 2004).

Kerasnya hukuman tersebut oleh sebab Islam memandang serius perkara itu, maka terhadap pesalah yang melakukan hukuman seperti kesalahan *hudud*, akan dikenakan hukuman yang keras dan tegas sesuai dengan kesalahannya (Yusuf Sinaga et al. 2011). Demikian pula terhadap hukuman *qisas*, akan diberikan hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukan atau akan dikenakan *diyat* dan kemaafan (Yusuf Sinaga et al. 2011). Manakala hukuman *ta’zir* dilaksanakan demi menjaga kemaslahatan umat (Muhammad Amar Adly et al. 2013).

Penghukuman dalam Islam mempunyai falsafah dan konsep tersendiri. Penghukuman dalam Islam merupakan kebaikan kepada masyarakat dan alam sejagat, ia juga merupakan rahmat dan anugerah yang menyeluruh kepada semua makhluk, tanpa mengira pangkat kedudukan, dan tanpa mengenal puak dan kaum (bangsa). Dalam menjatuhkan hukuman, menurut Abd Al-Qadir ‘Audah (1994), yang menjadi falsafah penghukuman dalam Islam meliputi, konsep keadilan, konsep pencegahan dan konsep pemeliharaan nilai-nilai murni dalam masyarakat.

Hikmah daripada penghukuman dalam Islam adalah untuk mencegah manusia dan menahan manusia daripada mendekati perbuatan jenayah, memelihara masyarakat daripada kerosakan, dan menyucikan manusia daripada dosa dan noda. Menurut Ibn Taymiyyah, antara rahmat Allah SWT, iaitu mensyariatkan hukuman jenayah yang berlaku antara manusia, sebahagian mereka ke atas sebahagian yang lain pada jiwa, tubuh badan, harta benda, kehormatan, pembunuhan, kecederaan, menuduh zina (*qazaf*) dan mencuri. Oleh yang demikian, Allah SWT telah menentukan bentuk-bentuk tegahan supaya dapat menahan daripada melakukan jenayah yang merupakan matlamat hukuman dan mensyariatkan hukuman dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Hukuman dikenakan mengandungi kemaslahatan, tegahan dan pembasmian, di samping itu tidak melampaui kadar yang sepatutnya ditanggung oleh pesalah jenayah daripada tegahan itu (Ahmad Shahbari Salamon et al. 2005). Dalam pemberian hukuman tersebut Allah SWT mensyariatkan kepada mereka tentang hukuman tersebut dengan memastikan nama dan sifatnya termasuk dalam hikmah dan rahmatNya, kelembutan, keihsanan dan keadilanNya agar menghilangkan bala atau celaka dan melenyapkan kezaliman dan permuasuhan sehingga semua insan berpuas hati dengan apa yang dikurniakan oleh Malik dan Khaliknya. Maka dengan itu manusia tidak akan sewenang-wenangnya merampas hak orang lain (Abdul Hayyie et al. 2011).

Tujuan penghukuman dalam Islam adalah untuk mengawal lima maqasid syariah atau tujuan mutlak yang menjadi tunjang kesejahteraan dan keamanan seluruh umat manusia dan seluruh dunia. Lima perkara mutlak yang dimaksudkan tersebut ialah mengawal agama, mengawal jiwa, mengawal akal fikiran, mengawal harta benda, dan mengawal keturunan (Yusuf Sinaga et al. 2011; Azhar Bin Yahya et al. 2012). Dengan terkawalnya kelima-lima perkara asas tersebut maka barulah keselamatan peribadi, keluarga, masyarakat, negara dan dunia terjamin.

Tujuan-tujuan tersebut bukanlah rekaan manusia, ia merupakan perintah-perintah dan larangan-larangan Allah yang tidak berubah dan tidak boleh dipinda. Bagi mengawal keturunan manusia supaya suci dan terjaga dikenakan hukuman sebat seratus kali dan rejam sampai mati kepada pelaku zina (Al-Qur'an, al-Nur 24:2). Bagi mengawal keselamatan akal fikiran dikenakan hukuman 40 kali sebat ataupun 80 kali sebat ke atas peminum arak dan sejenisnya (Amir Hamzah 2009).

Bagi mengawal maruah atau nama baik seseorang dikenakan hukuman sebat sebanyak 80 kali ke atas orang yang menuduh perempuan baik-baik dengan tuduhan zina tanpa membawa empat orang saksi atau dinamakan dengan kesalahan *qazaf*(Al-Qur'an, an-Nur 24: 4). Bagi menjaga keselamatan nyawa seseorang, dikenakan hukuman bunuh balas ke atas pembunuh yang sengaja (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2: 178). Bagi mengawal agama supaya terjamin kemurniannya, dikenakan hukuman bunuh kepada orang yang murtad selepas diminta taubat namun masih juga tetap berdegil (Al-Qur'an, al-Baqarah, 2 :217).10 Akhir sekali bagi menjaga keselamatan negara diperintah untuk memerangi pemberontak-pemberontak yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan pemerintah yang adil (Muhammad Said 2000).

Pada asasnya, hukuman yang dikenakan ke atas pesalah dalam undang-undang jenayah Islam berfungsi untuk melindungi individu dan masyarakat daripada sebarang anasir jahat serta menyelamatkan mereka daripada kebinasaan. Dalam masa yang sama hukuman tersebut juga dapat memberikan pengajaran agar tidak mengulangi lagi melakukan perbuatan jahat yang telah dilakukan. Sebagai contoh, dalam pelaksanaan hukuman bunuh, ia akan menjadi pelajaran kepada orang ramai supaya tidak melakukan perbuatan jenayah yang membawa kepada hukuman bunuh tersebut. Hukuman dapat menghalang orang ramai atau individu melakukan jenayah, dan hukuman juga akan mendorong manusia agar taat kepada Allah. Setiap hukuman itu mempunyai tujuan dan matlamatnya, maka di sini diuraikan dengan lebih lanjut berkenaan ungkapan ini.

#### HUKUMAN SEBAGAI PEMBALASAN

Pembalasan bertujuan memberi ganjaran kepada sesiapa yang melakukan ketaatan dengan pahala dan kebaikan, dan juga azab seksa kepada sesiapa yang melakukan kemungkaran dan kejahatan. Matlamat atau tujuan dikenakan hukuman adalah agar pembalasan terhadap pesalah atau boleh disebut juga dengan ‘balas dendam’ yang berasaskan konsep semula jadi manusia yang menginginkan kejahatan dibalas dengan kejahatan. Konsep ini mempunyai asas yang kukuh berdasarkan kepada prinsip agama dan keadilan sejagat. Dalam Islam, unsur hukuman dalam hukuman jenayah dinyatakan secara jelas dalam Al-Qur'an seperti berikut yang terjemahannya:

"Lelaki yang mencuri dan wanita yang mencuri, maka potonglah (pergelangan) tangan (kanan) mereka sebagai satu pembalasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan dan sebagai seksaan daripada Allah. Allah Maha Berkusa, lagi Maha Bijaksana"

(Al-Qur'an, Surah al-Ma 'idah, 5: 38).

Dalam Islam ditegaskan bahawa pembalasan itu mestilah setimpal dan sepadan dengan apa yang dilakukan, umpamanya dalam hukuman *qisas* orang yang membunuh dengan sengaja tanpa hak akan dikenakan hukuman *qisas* iaitu dibunuh balas sebagai balasan atas perbuatannya. Hukuman itu sendiri merupakan satu pembalasan yang dikenakan ke atas pesalah jenayah kerana mencerobohi hak dan kepentingan orang lain. Unsur pembalasan akan dapat mengubat kedukaan dan kekecewaan, menghilangkan rasa dendam dan menuntut bela oleh pihak yang disakiti, kerana pesalah telah membayar ganti rugi dalam bentuk hukuman yang diterima dari pengadilan ke atasnya (Abd al-Qadir 1994).

Mengenai pembalasan ini, apabila dilihat dari sudut kesannya ke atas pesalah, jika pembalasan itu ditujukan langsung kepada diri pesalah sama ada terhadap nyawanya atau tubuh badannya maka pembalasan ini disebut dengan *uqubah badaniyyah*. Manakala pembalasan yang ditujukan kepada jiwanya, yang menyebabkan pesalah itu terseksa perasaannya, maka dinamakan dengan *uqubah nafsiyyah*, dan apabila pembalasan itu yang membabitkan harta benda pesalah seperti pembayaran *diyat*, maka pembalasan ini dinamakan dengan *uqubah maliyyah*. Sekiranya hukuman pembalasan itu berupa sesuatu yang menyekat kebebasan pesalah, seperti tindakan mengurung pesalah, ini dinamakan dengan *uqubah muqayadah* (Ahmad Fathi Bahnasi 2000). Pada dasarnya, tujuan daripada pembalasan ini adalah untuk kebaikan, bukan penderitaan. Ini bermakna pembalasan dapat menghalang daripada pihak mangsa dari melakukan pembalasan sendiri yang dapat mewujudkan jenayah yang lain.

Bagi mencapai tujuan tersebut, maka setiap penjenayah akan dijatuhi hukuman yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukannya. Terdapat pelbagai bentuk hukuman yang berbeza-beza yang boleh dikenakan ke atas pesalah jenayah. Hukuman yang berbeza ini akan dikenakan sesuai dengan perbuatan jenayah yang dilakukan oleh pesalah jenayah. Hukuman yang berbeza berasaskan kesalahan yang berbeza-beza supaya pembalasan yang dibuat itu adil dan sesuai dengan kesalahan yang diperbuat. Sebagai contoh, kesalahan membunuh akan dibalas dengan hukuman yang

setimpal iaitu hukuman bunuh, demikian juga kesalahan menyebabkan kecederaan akan dibalas dengan kecederaan dan lain-lain.

Hukuman yang setimpal menjadi dasar syarat keseksaan dalam Islam yang mengajar pesalah agar menginsafi kesalahan diri dan kembali ke jalan yang benar. Selain itu, hukuman juga dapat membentuk sifat mulia dan terpuji kerana menjauhi perbuatan yang dilarang dan melakukan amalan yang disuruh. Sudah menjadi lumrah manusia tidak akan berubah hanya dengan mendengar kata-kata nasihat sahaja, oleh yang demikian bertepatan dengan konsep tersebut, maka terhadap pesalah perlu dilakukan sesuatu yang boleh memberi peringatan dan menghalangnya daripada melakukan perbuatan jahat. Maka peringatan yang dimaksudkan tersebut ialah dengan memberi hukuman yang setimpal kepada pesalah yang melakukan jenayah (Zul Fadzli Mat Rawi 2007). Pemberian hukuman yang setimpal kepada pesalah jenayah merupakan satu langkah yang wajar bagi memberi kesedaran baik kepada penjenayah itu sendiri mahupun kepada masyarakat awam, sehingga masyarakat akan memahami dan menyedari perkara-perkara yang dilarang sepatutnya dijauhi bukannya didekati.

#### HUKUMAN SEBAGAI PENCEGAHAN BAGI PESALAH JENAYAH

Hukuman Syariah boleh memberikan kesan pencegahan, baik bagi pesalah itu sendiri mahupun orang-orang yang melihat hukuman tersebut dijatuhkan ke atas pesalah jenayah, sehingga mereka tidak akan berani mengulangi melakukan perbuatan jenayah tersebut. Antara tujuan dan matlamat daripada hukuman jenayah ini ialah untuk mencegah perbuatan jenayah dengan menimbulkan rasa serik kepada pesalah jenayah tersebut akibat keperitan hukuman yang dikenakan kepadanya. Matlamat ini dapat dicapai bergantung pada bentuk dan berat hukuman yang dikenakan ke atas pesalah terbabit selain kesan terus ke atas fizikal dan psikologi pesalah jenayah itu sendiri.

Dalam menjatuhkan hukuman, jika pesalah tersebut merasai keperitan hukuman dikenakan, maka dengan sendirinya hukuman tersebut akan mencegah dirinya dari mengulangi melakukan perbuatan jenayah yang sama atau jenayah yang lain. Dalam perundangan Islam, pencegahan ini disebut dengan pencegahan secara khas kepada diri pesalah. Pencegahan ini pula bertindak untuk mencegah diri pesalah daripada melakukannya lagi pada masa yang akan datang. Sebagaimana yang dinyatakan

oleh Al-Mawardi, peruntukan hukuman *hudud* dan *qisas* adalah sebagai satu bentuk pencegahan bagi diri pesalah sekiranya pesalah tersebut masih hidup dan menjadi penghalang bagi orang lain untuk mengikutinya/membuat perkara yang sama sekiranya pelakunya telah dihukum mati (Mohd Al-Adib Samuri 2012). Seterusnya Al-Mawardi berpendapat bahawa pesalah jenayah yang telah meninggal dunia kerana dihukum mati tidak dapat dicegah lagi, tetapi hukuman ke atasnya itu akan mencegah orang lain yang masih hidup daripada melakukan perbuatan jenayah (Mohd Al-Adib Samuri 2012). Hal ini kerana terdapat sesetengah jenayah yang dikenakan hukuman berat seperti penjara dalam tempoh yang lama, kemudian ada juga yang dikenakan hukuman sebatan. Namun demikian keberkesanan hukuman sebagai pencegahan kepada pesalah jenayah agak sukar untuk dinilai. Acap kali kita mendengar orang yang pernah dihukum kemudian ia mengulangi melakukan perbuatan jenayah yang sama atau jenayah yang lain. Malah sikap masyarakat kita pada masa kini yang memandang serong kepada banduan/pesalah jenayah buat selama-lamanya turut menghalang hasrat mereka untuk kembali ke pangkal jalan.

Dalam Islam, hukuman yang ditetapkan adalah pelbagai dan sesuai dengan jenayah yang dilakukan, bahkan ada hukuman yang dikenakan bersifat kekal, misalnya hukuman potong tangan atas kesalahan jenayah melakukan kecurian. Seseorang yang telah dihukum potong tangan oleh sebab melakukan kes curi, lazimnya akan merasa gerun untuk melakukan jenayah tersebut oleh sebab memikirkan hukuman yang akan dikenakan ke atas tangannya yang kedua sekiranya dia mengulangi melakukan jenayah yang sama. Begitu juga dalam kes zina, pesalah jenayah ini yang telah dikenakan hukuman sebat pasti akan berasa serik untuk mengulangi perbuatannya selepas malu dihukum sebatan di hadapan khalayak ramai.

#### HUKUMAN SEBAGAI PENCEGAHAN KEPADА ORANG AWAM

Tujuan hukuman jenayah yang ketiga adalah untuk menimbulkan rasa gerun kepada orang awam akibat hukuman yang dikenakan kepada pesalah jenayah. Dalam hal ini, hukuman menjadi suatu amaran kepada semua lapisan masyarakat agar tidak terlibat dalam kancan jenayah. Ia merupakan suatu kaedah pencegahan dan pendidikan kepada orang ramai agar tidak terlibat melakukan jenayah. Secara umum, hukuman dalam Islam bertujuan untuk mencegah masyarakat daripada melakukan

jenayah. Ini dapat dilihat pada hukuman hudud yang sememangnya beraspirasikan pencegahan terhadap masyarakat secara keseluruhan. Setiap hukuman yang diperuntukkan dalam Islam akan dilaksanakan di hadapan umat Islam lain yang akan menyaksikan pelaksanaan hukuman tersebut. Apabila melihat kesakitan yang dialami oleh pesalah jenayah sepanjang proses hukuman, maka secara automatik memberi kesan kepada umat Islam untuk mengambil iktibar dan pengajaran agar tidak melakukan jenayah yang sama pada masa akan datang.

Bagi mencapai tujuan ini maka sesetengah jenayah dikenakan hukuman yang keras. Namun demikian realiti pada hari ini membuktikan betapa sukarnya untuk melihat kejayaan pencegahan jenayah melalui hukuman jenayah. Walaupun hukuman keras dikenakan, kadar jenayah pada umumnya semakin bertambah. Para ulama menyifatkan hukuman yang dikenakan kepada pesalah jenayah merupakan suatu rahmat. Hal ini kerana ia dapat mewujudkan suasana aman dan selamat dalam masyarakat. Ia bukan sahaja menimbulkan rasa serik kepada pesalah jenayah, bahkan juga kepada orang ramai keseluruhannya. Hal ini selaras dengan apa yang dinyatakan dalam Al-Qur'an yang bermaksud,

“Dan peraturan hukum *qisas* ini, adalah suatu jaminan hak hidup bagi kamu semua, hai orang-orang yang berfikir, demi menghindarkan adanya pertumpahan darah.”

(Al-Qur'an, al-Baqarah 2)

Hal ini bermakna pada hukuman *Qisas* itu ada keselamatan nyawa. Nyawa (hayat) yang disebutkan dalam ayat ini merujuk kepada keselamatan orang ramai hasil daripada pelaksanaan hukuman bunuh balas atau *qisas* itu. Sehingga apabila hukuman *qisas* diterapkan maka negara akan menjadi aman, sebab tidak ramai orang yang berani melakukan jenayah tersebut sebab akibat yang ditimbulkan adalah sama ia akan dibalas sesuai dengan jenayah yang dilakukan.

#### HUKUMAN SEBAGAI PERWUJUDAN KEADILAN

Hukuman yang dilaksanakan bertujuan untuk mewujudkan rasa keadilan kepada manusia bagi menjamin kebahagiaan hidup, keadilan dalam menjalankan hukuman sehingga akan menghasilkan kemakmuran dan kedamaian dalam masyarakat. Tujuan ‘*uqubah* dalam Islam adalah untuk menjamin tertegaknya keadilan, perkara ini dapat dilihat dari beberapa sudut antaranya ialah (Ahmad Fathi Bahnasi 2000):

1. Setiap hukuman mestilah mempunyai peruntukan dalam Syariah, supaya ia tidak terkeluar dari batasan yang ditentukan oleh Syarak.
2. Syarak mensyariatkan bahawa setiap manusia akan memikul dosanya sendiri, ia tidak boleh ditanggung oleh orang lain.
3. Pembalasan haruslah sesuai dengan kesalahan yang dilakukan.
4. Semua orang akan mempunyai hak yang sama/persamaan di sisi undang-undang, tanpa mengira pangkat, kedudukan dan kekayaan.

Antara ciri-ciri ‘*uqbah* yang dianggap sebagai asas untuk menjamin tertegaknya keadilan ialah (Ahmad Fathi Bahnasi 2000):

1. ‘*Uqbah* mestilah boleh menghalang orang lain daripada melakukan jenayah dengan mengenakan hukuman yang berat, tetapi dalam batas-atas/batasan keadilan.
2. Mestilah ada kesesuaian antara ‘*uqbah* dengan jenayah yang dilakukan, hukumnya tidak sesuai haruslah dielakkan.
3. Mestilah mendatangkan kemakmuran dan kesejahteraan dalam masyarakat.
4. Ia mesti dilaksanakan sepenuhnya bagi memastikan tiada sesiapa yang terlepas daripada sebarang hukuman atas kesalahannya.

#### HUKUMAN SEBAGAI PENGHAPUS DOSA

Hukuman yang dilaksanakan kepada pesalah di dunia sebagai penghapus dosa dan apabila pesalah yang melakukan jenayah bunuh yang tidak disengajakan sehingga ia dimaafkan dan dikenakan *diyat* maka wajib baginya untuk membayar *kaffarah*. *Kaffarah* ini menurut Muhammad Az-Zuhaili berasal daripada kata *al kaflu*, yang bermaksud menutupi, oleh sebab ia dapat menutupi kesalahan dan menghapuskannya (Yusuf Sinaga & Muhammad Harun Zain 2009). Dari segi yang lain pula, antara hikmah di sebalik pelaksanaan undang-undang jenayah Islam ialah sebagai “*kaffarah*” kepada pelakunya. *Kaffarah* dalam konteks ini bermaksud sebagai penghapus atau penyucian daripada dosa. Hukuman yang dikenakan ke atas pesalah yang terbukti bersalah, sebenarnya satu proses penyucian daripada dosa yang dilakukannya. Selain itu, *kaffarah* bukan sahaja sekadar hukuman penyejasaan, tetapi ia juga adalah penghapus dosa yang dilakukan oleh si pelakunya dan sekali gus bertindak menyelamatkannya daripada di azab

oleh Allah Ta’ala kelak di akhirat kerana dosanya yang dilakukannya (Nor Hasanuddin dan Aisyah Saipuddin 2009; Yusuf Sinaga & Muhammad Harun Zain 2009).

*Kaffarah* ini dikenakan bagi kesalahan bunuh dengan niat, dengan sengaja dan tanpa niat. Ia juga dikenakan walaupun pesalah telah digugurkan daripada tuntutan *diyat*. *Kaffarah* ini perlu dibayar walaupun pesalah masih kanak-kanak, orang gila atau belum baligh (Mustafa Al-Khin et al.2009). Manakala ulama Hanafiah berkata *kaffarah* tidak wajib dilaksanakan atas anak kecil dan orang gila. Selain itu para ulama Hanafiah dan Malikiah bersepakat bahawa *kaffarah* itu tidak wajib dilaksanakan atas orang kafir (Yusuf Sinaga et al.2011).

Dalil yang menunjukkan bahawa hukuman daripada Allah Ta’ala itu bertindak sebagai *kaffarah* adalah sebagai mana yang tersebut dalam Al-Qur’ān seperti berikut terjemahannya:

“Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar *kaffarah*) dengan memerdekaan seorang hamba yang beriman serta membayar “*diyat*” (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga simati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar *kaffarah* saja dengan) memerdekaan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar “*diyat*” (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekaan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekakannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut; (hukum yang tersebut) datangnya dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”

(Al-Qur’ān, al-Nisa, 4 : 92).

Selain daripada hadis dari Wathilah Bin al-Asqa’, dia berkata yang ertiaya:

Kami mendatangi Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam (dengan membawa kes) mengenai salah seorang dari kalangan kami yang telah melakukan pembunuhan. Beliau bersabda:

“Merdekaanlah seorang hamba sahaya, niscaya kelak Allah akan membebaskan setiap anggota tubuhnya dari api neraka oleh sebab hamba sahaya yang telah dimerdekakannya”.

(Nor Hasanuddin dan Aisyah Saipuddin 2009)

*Kaffarah* merupakan kewajiban bagi pesalah yang melakukan jenayah pembunuhan tidak sengaja, untuk membayar *kaffarah* yang berupa pembebasan seorang hamba yang mukmin. Dengan itu sesiapa yang tidak memiliki, ataupun tidak memiliki wang yang melebihi keperluannya untuk membeli hamba sedemikian serta membebaskannya, ataupun memang tidak kedapatan/ mempunyai/berjaya mendapatkan hamba sama sekali, maka wajib ke atasnya berpuasa selama dua bulan berturut-turut sebagai *kaffarah* yang merupakan taubat untuk membersihkan diri daripada dosa.

Menegakkan keadilan, dengan tujuan setiap kesalahan dibalas dengan balasan yang setimpal iaitu satu balasan yang bersifat tidak lebih dan tidak kurang ini untuk memberi kepuasan kepada mereka yang terkena kejahatan. Selain itu, hukuman juga akan mendidik masyarakat secara keseluruhannya. Penjenayah akan terdidik dengan hukuman yang diterimanya serta bertaubat, begitu juga masyarakat umum akan dapat pendidikan daripada pelaksanaan hukuman tersebut serta mereka merasa takut dan gerun untuk melakukan jenayah. Pelaksanaan hukuman dalam Islam menyasarkan keadilan kepada semua tanpa terkecuali, tidak ada perbezaan antara orang yang berpangkat dan yang tidak berpangkat, antara yang kaya dengan miskin, antara orang kuat dengan orang lemah. Maka dengan ini keunggulan dan keadilan sistem perundangan Islam akan menjadi suatu faktor yang sangat penting dalam menimbulkan keharmonian dan kebahagiaan masyarakat yang menjadi cita-cita semua umat manusia.

### JENAYAH TAKZIR

Dalam Islam, selain hukuman *hudud* dan *qisas*, ada juga hukuman *takzir*. Menurut Wahbah Az-Zuhaili, perkataan *takzir* secara bahasa, membawa maksud *al-man'u* (mencegah, melarang, menghalangi). Antara bentuk penggunaannya ialah *takzir* yang bererti *an-nushrah* (membantu, menolong) (Muhammad Afifi et al. 2008). Sedangkan dalam terminologi *fiqh* Islam maksud daripada *takzir* adalah tindakan yang bertujuan memberi pengajaran terhadap pelaku dosa yang tidak ada dalam hukuman *hadd* dan tidak ada pula kifaratnya. Selain itu, hukuman *takzir* bermakna hukuman yang tertakluk kepada budi bicara pihak pemerintah, badan perundangan atau hakim kerana hukuman bagi kesalahan ini tidak disebut dalam al-Quran atau Sunnah (As-Sayyid Sabiq. 2009; Muhammad Afifi et al. 2008;

Yusuf Sinaga et al. 2011). Oleh yang demikian, skop kesalahan *takzir* adalah sangat luas kerana merangkumi semua bentuk kesalahan yang tidak tertakluk kepada hukuman *qisas* dan hukuman *hudud*. Bentuk hukuman adalah berbagai-bagai dan tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim, demi kemaslahatan umat. Jenayah *takzir* ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu (Abu Mazaya Al-Hafiz et al. 2004; Nasimah Hussin 2004):

1. Kesalahan yang termasuk dalam kategori kesalahan *hudud* tetapi hukuman *hudud* tidak dapat dilaksanakan kerana ia tidak memenuhi syarat pelaksanaannya. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah menyebut: Maksiat-maksiat yang tidak dikenakan hukuman *hadd* yang tertentu dan tidak pula dikenakan kifarat maka termasuk dalam *takzir* seperti orang yang mencium lelaki atau wanita *ajnabi*, bercumbu-cumbuan, atau mencuri barang yang tidak diletakkan di tempat yang wajar, atau barang yang dicuri tidak cukup nisab (Abu Mazaya Al-Hafiz et al. 2004).
2. Kesalahan yang selain daripada yang dikategorikan sebagai kesalahan *hudud* dan *qisas*. Ia meliputi semua bentuk kesalahan sama ada kesalahan itu disebut dalam al-Quran dan Hadith atau tidak. Ia juga mencakupi kesalahan terhadap hak Allah, terhadap hak manusia atau hak kedua-duanya.

Penyatuan hukuman sebat dalam kes *takzir*, Rasulullah saw. bersabda dalam hadis riwayat daripada Al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud meriwayatkan dari Hani' bin Nayyar, bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah saw. bersabda: Terjemahan: "Janganlah kamu menyebat lebih daripada sepuluh kali sebatan melainkan dalam melaksanakan hukuman *hudud* yang telah ditentukan Allah Taala." Dalam hadis Hani' bin Nayyar tersebut telah dijelaskan mengenai larangan menjatuhkan hukuman *takzir* melebihi sepuluh kali sebatan. Hadis tersebut dijadikan sebagai pegangan oleh sekumpulan ulama pengikut mazhab asy-Syafi'i, diantaranya Ahmad, al-Laith dan Ishaq. Para ulama tersebut berkata: "Tidak boleh menjatuhkan hukuman *takzir* melebihi sepuluh kali sebatan, dan inilah ketentuan syariat." Sedangkan Malik, asy-Syafi'i, Zaid bin Ali dan selainnya membolehkan hukuman *takzir* melebihi sepuluh kali sebatan, akan tetapi tidak dibolehkan melampaui batasan minimum hukuman sebatan.

Mengenai kadar hukuman *takzir*, ulama Maliki berpendapat bahawa pemerintah boleh mengenakan

sebatan sebanyak mana yang difikirkan perlu walaupun ia melebihi kadar maksimum bagi sesuatu hukuman hudud. Lantaran itu, boleh dikenakan hukuman *takzir* ke atas pesalah jenayah syariah sama seperti hukuman hudud, kurang ataupun melebihi mengikut ijtihad pemerintah (Ahmad Fathi Bahnasi 2000). Dalam satu riwayat di mana Ma'in bin Za'idah membuat mohor menyerupai ukiran mohor Baitulmal dan mengambil harta daripadanya. Perkara ini sampai kepada Khalifah Umar r.a. lalu beliau memukul Ma'in 100 kali sebatan dan menahannya. Kemudian Ma'in membantahnya, lalu Sayyidina Umar memukulnya 100 kali lagi, akan tetapi Ma'in membantahnya lagi dan Sayyidina Umar memukulnya dan meletakkannya dalam buangan. Mengenai kadar hukuman takzir yang melebihi 10 kali sebatan tersebut, maka pendapat daripada ulama Maliki diperkuuhkan lagi dengan riwayat daripada Imam Ali k.w. yang menghukum orang yang didapati bersekedudukan bersama perempuan tanpa izin dengan 98 kali sebatan.

#### PERBINCANGAN DAN DAPATAN: PELAKSANAAN HUKUM SEBAT SYARIAH DI ACEH

Bagi kesalahan *hudud* hukuman sebat akan dilaksanakan dalam kesalahan jenayah zina, kesalahan ini akan dikenakan seratus kali sebatan (Al-Qur'an, al-Nur 24:2). Manakala kesalahan tuduhan zina (*qazaf*), kesalahan *qazaf* akan dikenakan lapan puluh kali sebatan (Al-Qur'an, an-Nur 24: 4). Bagi kesalahan minum arak (Al-Qur'an, al-Ma'idah 5:90), kesalahan ini akan dikenakan empat puluh kali sebatan. Hukuman sebat juga akan dilaksanakan dalam hal kesalahan *takzir*. Hukuman sebat dalam jenayah *takzir* terpulang kepada budi bicara pemerintah. Dalam Kanun Jinayah Syariah di Provinsi Aceh kesalahan-kesalahan yang dikenakan sebat adalah seperti berikut:

1. Kesalahan *minum arak* berdasarkan Kanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 12 Tahun 2003. Hukuman terhadap pesalah jenayah syariah dikenakan dengan hukuman *hudud* iaitu sebanyak 40 sebatan.
2. Kesalahan *perjudian* berdasarkan Kanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 13 Tahun 2003. Hukuman terhadap pesalah jenayah syariah dikenakan hukuman *takzir* iaitu hukuman sebat maksimum 12 sebatan dan tidak kurang dari 6 sebatan.
3. Kesalahan *Khalwat* berdasarkan Kanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 14 Tahun 2003. Hukuman terhadap pesalah jenayah syariah dikenakan hukuman *takzir* iaitu hukuman sebat maksimum 9 sebatan dan tidak kurang dari 3 sebatan dan/atau denda dikenakan paling maksimum sebanyak 10 Juta Rupiah dan tidak kurang dari 2.5 Juta Rupiah.

Hukuman *sebat* dalam bahasa Arab disebut *jald* yang berasal dari kata *jalada* yang bererti memukul dengan kulit atau memukul dengan sebatan yang diperbuat dari kulit.

Hukuman sebat dalam Islam bertujuan untuk memberi pengajaran kepada penerima hukuman dan orang yang melihatnya. Hal ini selaras dengan Hadis riwayat Malik dari Zaid bin Aslam r.a. bahawasanya pada zaman Rasulullah s.a.w., seseorang mengaku dirinya telah berzina. Kemudian Rasulullah s.a.w. telah meminta untuk menyediakan sebatan dari batang pohon, namun yang diberikan iaitu yang telah rosak dan pecah hingga akhirnya beliau berkata: "yang agak kuat dari ini." Lalu dibawa kepada beliau sebatan dari batang pohon yang masih baru hingga beliau berkata lagi: "Di bawah ini lagi." Baru setelah itu beliau dibawakan sebuah sebatan dari batang pohon yang kuat namun agak lembut dan kemudian memerintahkan untuk menyebatnya.

Dalam kanun jenayah Syariah Provinsi Aceh, selain digariskan peruntukan mengenai perkara berkaitan undang-undang jenayah, perihal berkenaan undang-undang prosedur jenayah turut termaktub. Dalam perkara ini, kanun tersebut memperihalkan mengenai alat sebatan. Dalam Seksyen 28 (2) Kanun No. 14 Tahun 2003 menyatakan alat sebatan mestilah yang diperbuat daripada rotan yang mempunyai saiz antara 0.70 cm hingga 1 cm dan panjangnya hendaklah berukuran 1 meter dan tidak mempunyai hujung terbelah. Seksyen 28 (6) Kanun No. 14 Tahun 2003 memperuntukkan tentang *Peraturan mengenai wanita mengandung di Aceh*. Menurut Seksyen tersebut, hukuman sebat akan dilaksanakan selepas 60 hari selepas tempoh bersalin. Prosedur sebatan dan pelaksanaan hukuman sebat di Wilayah Aceh dilaksanakan berdasarkan Peraturan Gabenor Nombor 10 Tahun 2005. Undang-undang ini menyatakan Teknik Hukuman sebat atau dikenali sebagai *Cambuk*. Dalam Seksyen 1 pelaksanaan hukuman sebat merupakan kuasa daripada pendakwa raya. Kemudian dalam Seksyen 2 menyatakan bahawa pendakwa raya mempunyai kuasa untuk mengarahkan atau memberi kuasa

kepada petugas yang melakukan sebatan. Petugas yang melaksanakan sebatan merupakan pasukan yang dinamakan sebagai *Wilayatul Hisbah* sebagai mana yang disebutkan dalam seksyen 3 undang-undang tersebut. Seksyen 4 menyatakan bahawa atas arahan pendakwa raya, Jabatan Kesihatan hendaklah menyediakan seorang doktor untuk memeriksa pesalah yang akan disebat.

Seksyen 5 memperuntukkan bahawa hukuman sebat akan dilaksanakan di suatu tempat terbuka di atas alas berukuran 3 X 3 meter, yang dapat disaksikan oleh orang ramai. Jarak antara pesalah dengan petugas yang melakukan hukuman sebat antara 0.70 meter dan 1 meter, dengan posisi petugas berdiri disebelah kiri pesalah. Sebatan dilakukan pada punggung (bahu sampai pinggul) pesalah. Hukuman sebat dilaksanakan di depan orang ramai, dan jarak antara tempat pelaksanaan hukuman sebat dengan masyarakat yang menyaksikan pelaksanaan hukuman tersebut ialah 10 meter. Seksyen 6 memperuntukkan bahawa atas permintaan pendakwa raya ataupun pesalah sendiri, sebelum hukuman sebat dilaksanakan, para ulama dapat memberikan ceramah agama berkaitan Islam di hadapan khalayak ramai.

Sebelum pendakwa raya memberi kebenaran pesalah untuk disebat maka terlebih dahulu maklumat tersebut akan disampaikan kepada pihak keluarganya secara bertulis selewat-lewatnya tiga (3) hari berdasarkan peruntukan seksyen 7 (1) dan( 2) Peraturan Gabenor Nombor 10 Tahun 2005. Petugas *Wilayatul Hisbah* mestilah hadir dengan memakai penutup wajah yang diperbuat dari kain berdasarkan peruntukan Seksyen 8 undang-undang yang sama. Pesalah lelaki hendaklah disebat dalam kedudukan berdiri, manakala pesalah perempuan diletakkan dalam duduk berdasarkan seksyen 9 undang-undang yang sama. Setiap pesalah akan disebat oleh seorang petugas. Dalam situasi petugas tidak berupaya menyempurnakan tugasannya sebatan yang diberikan, maka sebatan akan diteruskan oleh petugas yang lain, dan penggantian petugas tersebut diputuskan oleh pendakwa raya berdasarkan seksyen 10(1), (2), dan (3) undang-undang yang sama juga.

Hukuman sebat akan dihentikan sementara, apabila pesalah mengalami luka akibat hukuman sebat dan hukuman sebat juga akan dihentikan sementara mengikut saranan doktor atas pertimbangan perubatan berdasarkan peruntukan seksyen 11 (1), (2) dan (3).

Berdasarkan peruntukan seksyen 12 (1) (2) dan (3) undang-undang yang sama, hukuman sebat akan ditangguhkan apabila pesalah berdasarkan

hasil pemeriksaan kesihatan oleh doktor mendapati pesalah didapati tidak sihat. Sebatan akan bermula apabila pesalah telah didapati sihat semula untuk menjalani hukuman sebat (Abu Bakar 2008).<sub>1</sub>

Berdasarkan Seksyen 14(1) Peraturan Gabenor Nombor 10 Tahun 2005, setelah hukuman sebat dilaksanakan ke atas pesalah, pendakwa raya akan membuat salinan rekod di dalam Berita Acara Pelaksanaan Hukuman Sebat yang ditandatangani olehnya, dan kemudian diikuti oleh doktor sebagai saksi. Kemudian pesalah akan dibawa ke pejabatnya dan selanjutnya pesalah dibebaskan atau diserahkan kepada keluarganya. Berdasarkan seksyen 14(2) undang-undang yang sama, sekiranya hukuman sebat tidak dapat dilaksanakan secara sempurna, maka alasan penangguhan sementara mestilah ditulis dalam salinan Berita Acara tersebut. Satu salinan Berita Acara tersebut hendaklah diserahkan kepada pesalah atau keluarganya sebagai bukti bahawa pesalah telah menjalani seluruh atau sebahagian hukuman seperti mana seksyen 14 (3) (Abu Bakar 2008).

Selain masalah utama tiadanya penahanan terhadap pesalah dalam perbicaraan kes-kes jenayah Syariah di Aceh, kebanyakkan institusi yang terlibat dengan pelaksanaan hukuman sebatan berdepan kekangan masalah kewangan yang merupakan hambatan utama dalam penyelesaian kes-kes jenayah Syariah di Aceh. Untuk itu, kanun-kanun jenayah Syariah di Aceh perlu segera dipinda dan disahkan melalui Kanun Prosedur dan Keterangan Jenayah Syariah supaya pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Aceh mempunyai asas yang kukuh. Selain daripada itu, perlu diletakkan kuasa dan tanggung jawab pelaksanaan hukuman sebat pada satu institusi dan satu sistem kewangan untuk menyediakan peruntukan kewangan bagi membolehkan masalah kewangan bukan menjadi faktor halangan pelaksanaan hukuman sebat di Aceh.

#### KESAN PENGHUKUMAN SEBAT SYARIAH DI ACEH

Kesan daripada hukuman tersebut pada asasnya adalah untuk mencegah dan menahan manusia daripada mendekati kesalahan-kesalahan yang telah disyariatkan dalam Agama Islam. Hukuman yang diberikan juga akan memelihara masyarakat daripada kerosakan dan menyucikan daripada noda dan dosa. Menurut Ibn Taymiyyah, di antara rahmat Allah SWT, ialah Allah SWT mensyariatkan hukuman

jenayah antara manusia, sebahagian mereka ke atas sebahagian yang lain, pada jiwa, tubuh badan, harta benda, kehormatan, pembunuhan kecederaan, menuduh zina (qazaf), mencuri, maka Allah telah menghukum bentuk-bentuk tegahan daripada menahan melakukan jenayah yang merupakan matlamat hukum dan mensyariatkan hukuman dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Hukuman yang diberikan juga mestilah tidak melampaui kadar yang sepatutnya ditanggung oleh penjenayah daripada tegahan tersebut.

Kesan hukuman yang telah dikenakan terhadap pesalah ialah memberikan rasa malu akibat hukuman yang dijatuhkan kepadanya. Hukuman juga akan memberikan kesan rasa sakit pada badan pesalah. Selanjutnya hukuman juga akan memberikan pengajaran bagi pesalah itu sendiri dan juga kepada orang yang menyaksikan bagaimana hukuman itu dijalankan. Hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah dapat memberikan keinsafan kepadanya sehingga terkesan dan pesalah tidak lagi mengulangi melakukan perbuatan jenayah yang dilarang oleh agama.

Daripada hasil penyelidikan terhadap terhadap 4 (empat) orang pesalah di Aceh yang telah dikenakan hukuman takzir. Keempat-empat pesalah telah didakwa mengikut seksyen 5 dan seksyen 23 (1) Kanun Jenayah Syariah Aceh No 13 Tahun 2003. Menurut seksyen tersebut, sekiranya mereka didapati bersalah dan disabitkan atas kesalahan berjudi, mereka akan dihukum takzir sebanyak tujuh (7) kali berdasarkan pertuduhan oleh pendakwa raya. Dalam penghakiman Mahkamah Syariah Aceh telah memutuskan bahawa keempat-empat tertuduh tersebut bersalah. Tiga orang pesalah tersebut telah diputuskan hukuman sebat sebanyak 6 kali sebanyak dihadapan orang ramai (Keputusan Mahkamah Syariah Aceh, Nomor: 02/JN/2006/MSy-LSM). Manakala seorang pesalah lagi merupakan pesalah muda dan Mahkamah Syariah Aceh kemudiannya telah menjatuhkan hukuman mengembalikan pesalah muda tersebut kepada ibu bapa untuk dijaga serta diberikan perhatian yang tinggi terhadap pesalah muda tersebut supaya masa depannya tidak musnah. Keempat-empat pesalah tersebut tidak mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Syariah Aceh, dan seterusnya hukuman tersebut dijalankan ke atas pesalah dihadapan orang ramai (Keputusan Mahkamah Syariah Aceh, Nomor: 02/JN/2006/MSy-LSM).

*Uqubah nafsiyyah* (Abdul Monir Yaacob et al. 2000), ialah pembalasan yang ditujukan ke atas

jiwa pesalah yang akan menyebabkan perasaannya terseksa, sebagai contohnya memberikannya rasa malu. Hukuman ini juga bertujuan untuk memberi rasa malu pada pesalah sebat yang dilaksanakan ke atas pesalah di Aceh. Dalam satu kenyataan yang disampaikan oleh pesalah dia merasakan sangat malu kerana disebat di hadapan orang ramai. Rasa malu tersebut dirasakan sangat mendalam sehingga pesalah takut dan malu untuk berjumpa dengan orang lain. Setelah prosiding sebatan telah selesai dikenakan ke atasnya dan pesalah telah dikembalikan kepada keluarganya, pesalah tidak berani untuk kembali ke rumahnya, kerana dia takut berhadapan dengan orang lain. Kemudian dia diyakinkan oleh suaminya, bahwasanya orang lain tidak mengenalinya setelah peristiwa ini berlaku atas dirinya. Rasa malu tersebut sangat terkesan sampai berhari-hari dan bertahun-tahun lamanya sehingga temu bual ini dilakukan. Pesalah juga tidak berani untuk keluar rumah sahingga berhari-hari. Malahan, pesalah juga menyatakan bahawa dia tidak tahu apa yang mesti dilakukan bagi membolehkan perkara tersebut hilang daripada ingatannya (Puan Meulu, Pesalah yang dikenakan hukuman sebat syariah, Demikian juga dengan Puan Melati, Mawar Pesalah yang dikenakan hukuman sebat syariah dan Jempa Puteh, Pesalah yang tersabit kes jenayah syariah, Lhokseumawe, Aceh, Temubual Pada Tarikh, 18 Januari 2012 dan 25 Januari 2012).

Menurut Adi Hermansyah (2013) dalam satu kenyataan di The Globe Journal menyebutkan bahawa hukuman sebat yang dijatuhkan terhadap pesalah yang melakukan pelanggaran kanun jenayah Syariah di Aceh pada asasnya adalah untuk membuatkan pesalah tersebut berasa malu. Kesan daripada hukuman sebat tersebut telah membuatkan pesalah berasa malu diperoleh daripada hasil temubual dengan keempat-empat pesalah. Berdasarkan pengakuan keempat-empat pesalah yang telah ditemu bual, mereka merasakan sangat malu atas apa yang berlaku ke atas diri mereka. Perasaan rasa malu tersebut terkesan sampai bila-bila. Kemudian Pesalah yang lain menjelaskan bahawa, pada masa perkara itu berlaku, iaitu hukuman sebat dijalankan ke atasnya, pesalah tersebut berasa sangat sedih sekali (Puan Meulu, Pesalah yang dikenakan hukuman sebat syariah, Demikian juga dengan Puan Melati, Mawar Pesalah yang dikenakan hukuman sebat syariah dan Jempa Puteh, Pesalah yang tersabit kes jenayah syariah, Lhokseumawe, Aceh, Temubual Pada Tarikh, 18 Januari 2012 dan 25 Januari 2012). Kesan rasa malu yang dialami

oleh para pesalah menunjukkan bahawa objektif pelaksanaan hukuman sebat Syariah takzir telah tercapai, walaubagaimanapun penambahbaikan perlu terus menerus dilakukan demi membolehkan tercapainya matlamat penghukuman sebat dalam jenayah Islam.

Kesan rasa malu bukan hanya dirasakan oleh pesalah itu sendiri, akan tetapi rasa malu juga turut dirasakan oleh orang lain yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Salah seorang wanita yang mengaku sebagai mertua daripada salah seorang pesalah menyatakan bahawa, dia tidak marah terhadap pesalah yang melakukan kesalahan jenayah Syariah tersebut, ini disebabkan pesalah sudah dewasa, sudah mempunyai suami dan anak. Akan tetapi dia merasa sangat malu sebab menantunya disabitkan dalam kes jenayah Syariah tersebut atau perkara tersebut berlaku kerana kesilapannya. Kemudian dia juga menyatakan bahawa dia tidak marah terhadap penguatkuasa undang-undang yang telah melaksanakan hukuman sebat terhadap menantunya. Menantunya selayaknya dihukum sebat kerana dia telah melakukan kesalahan dan penguatkuasa undang-undang hanya melaksanakan tugasannya. Sokongan perlu diberikan kepada penguatkuasa kerana telah melaksanakan kebaikan dan sepatutnya semua orang yang melakukan kesalahan mesti dikenakan tindakan undang-undang.

Kemudian pesalah yang lain menyatakan bahawa, setelah dia disebat, dia merasakan sangat malu kerana pada masa disebat ramai orang yang melihatnya, tambahan pula pada masa kesalahan tersebut disabitkan ke atasnya, dia masih muda iaitu baru berumur 18 tahun dan belum lagi berkahwin. Dia menyatakan bahawa orang lain akan menilai tentang dirinya dan menyatakan bahawa dia ialah seorang yang rendah moralnya. Hakikatnya, dia sebenarnya merupakan seorang yang masih dapat menjaga dirinya dan tidak melakukan pekerjaan yang tidak bermoral. Para pesalah menganggap bahawa mereka tidak tahu telah melakukan perbuatan yang melanggar Syariat Islam. Mereka juga tidak mengetahui bahawa undang-undang jenayah Islam telah dikuatkuasakan di Aceh. Menurut para pesalah mereka hanya melakukan kesalahan yang ringan sehingga amaran sahaja sudah memadai untuk menakutkan mereka supaya tidak meneruskan melakukan kegiatan jenayah tersebut.

Rasa malu itu juga dirasakan oleh orang yang melihat hukuman sebat tersebut dilakukan dengan mengatakan bahawa mereka tidak sampai hati untuk melihat hukuman tersebut dijalankan

memandangkan bagaimana kalau perkara itu berlaku atas diri dan ahli keluarga mereka memandangkan nasib dan dugaan seseorang tidak dapat disangka. Daripada kenyataan yang diberikan oleh para pesalah di atas dapat disimpulkan bahawa dalam diri para pesalah perasaan malu disebat di hadapan orang ramai itu mengatasi rasa sakit akibat hukuman sebat itu sendiri.

Dalam kenyataan yang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Prof. Jamaluddin (2012), hukuman sebat yang telah dijatuhkan ke atas pesalah yang disabitkan kerana melakukan kesalahan jenayah Syariah di Aceh bukan hanya memberikan rasa malu terhadap pesalah itu sendiri akan tetapi turut juga membawa malu kepada keluarganya dan saudara maranya. Hal ini akan menyebabkan bukan hanya pesalah sendiri yang merasakan kesan hukuman tersebut terhadap dirinya akan tetapi masyarakat dan orang ramai yang melihat hukuman tersebut dijalankan juga akan merasa serik dan terkesan dengan akibatnya.

Jika diamati kesan hukuman sebat di kawasan lain, di Aceh, setelah hukuman sebat dijalankan, didapati bilangan kadar jenayah di Kabupaten Bireuen, Aceh menurun dengan drastik. Menurut Mustafa A. Geulanggang (2005), Petua Daerah (Bupati) Daerah Bireuen ketika itu, untuk kes perjudian, minum arak, dan perzinaan, telah turun sebanyak tujuh puluh peratus (70.0%) setelah adanya pelaksanaan hukuman sebat.

Selain itu kita hendaklah melihat hukuman tersebut iaitu dari segi kesannya ke atas pesalah iaitu di mana hukuman tersebut ditujukan secara langsung kepada pesalah tersebut iaitu kesan ke atas tubuh badan, sehingga menimbulkan rasa sakit. Menurut pihak penguatkuasa, hukuman sebat terhadap pesalah bukan hanya untuk membuat malu, akan tetapi yang dirasakan oleh para pesalah hukuman sebat tersebut sangat keras dan menimbulkan rasa sakit dan lebam-lebam pada anggota badan yang disebat (Bustami Abubakar 2006). Rasa sakit dan keras sebatan tersebut berkemungkinan disebabkan petugas yang melakukan sebatan ialah lelaki menurut kenyataan pesalah jenayah. Oleh sebab yang melakukan sebatan itu ialah lelaki, maka para pesalah merasakan sebatan tersebut sangat kuat dan padu dan sepatutnya yang melakukan sebatan atas dirinya ialah perempuan sebab mereka ialah para pesalah perempuan, bukannya pesalah lelaki.

Selain itu tujuan hukuman dijatuhkan pada pesalah pada asasnya adalah supaya pesalah tersebut berasa insaf dan bertaubat setelah hukuman tersebut

dilaksanakan ke atasnya. Kenyataan tersebut diperoleh daripada keempat-empat orang pesalah yang telah ditemui bual, di mana mereka menyatakan bahawa setelah hukuman tersebut dijalankan ke atas mereka, maka mereka tidak lagi melakukan perbuatan tersebut iaitu berjudi (Puan Meulu, Melati, Mawar, Pesalah yang dikenakan hukuman sebat syariah dan Puan Mardiah Binti Hamid, Rohani Bt Yacob, Ahli Keluarga Pesalah yang dikenakan hukuman sebat syariah, Lhokseumawe, Aceh, Temubual Pada Tarikh, 18 Januari 2012 dan 25 Januari 2012). Mahkamah Syariah Aceh telah mensabitkan kes kesalahan berjudi ke atas mereka dan hukuman telahpun dilaksanakan ke atas mereka. Pesalah menyatakan bahwasanya mereka telah insaf dan tidak akan mengulangi lagi melakukan perbuatan tersebut. Matlamat penghukuman adalah untuk menyedarkan para pesalah dan orang yang melihat hukuman sebat tersebut dilaksanakan, sehingga orang-orang menyedari bahawa dikawasan mereka telah dilaksanakan undang-undang Syariah walaupun masih hanya diperingkat awal atau masih dalam tahap dakwah.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelaksanaan hukuman sebat Syariah untuk takzir di Aceh telah tercapai. Tujuan daripada pelaksanaan hukuman sebat Syariah takzir di Aceh pada dasarnya adalah untuk menimbulkan rasa malu terhadap pesalah. Perasaan malu tersebut juga memberikan kesan yang mendalam terhadap pesalah yang dihukum sebat selain daripada rasa sakit itu sendiri akibat kesakitan yang dialami oleh pesalah. Selain dari itu, hukuman sebat yang telah dilaksanakan dapat memberikan pengajaran kepada pesalah sendiri dan orang ramai yang melihat hukuman sebat tersebut dilaksanakan. Hukuman sebat juga dapat memberi keinsafan kepada para pesalah agar tidak mengulangi lagi melakukan kesalahan. Akhir sekali, pelaksanaan hukuman sebat di Aceh telah mencapai matlamat atau objektif pelaksanaan hukuman sebat itu sendiri sebagai satu bentuk penghukuman dalam jenayah Islam.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an.
- Abd al-Qadir. 1994. 'Audah, al-Tasyri' al-Jinaiy al-Islami, c. 13, Jilid 1, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Abdul Hayyie et al. 2011. *Wahbah al-Zuhaili, Figih Islam wa-Adillatuhu* (Fiqh dan Perundangan Islam). Jilid VII. Dar Fikr, Saadullah al-Jabiri Stret, Damascus, Syria, Jakarta: Gema Insani & Darul Fikir.
- Abdul Monir Yaacob et al. 2000. *Mat Saad Abdul Rahman, Uqubah Menurut Undang- Undang Jenayah Islam: Tinjauan Kepada Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kafahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abu Bakar. 2008. Hakim, Mahkamah Syariah Lhoksukon, Lhoksukon Aceh Utara, Indonesia, Temubual pada 14 Ogos.
- Abu Mazaya Al-Hafiz et al. 2004. *Fiqh Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Adi Hermansyah, 2013. The Globe Journal, Pensyarah Fakulti Undang-Undang Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Indonesia, Cambuk di Aceh Hanya Untuk Membuat Malu, Selasa, 12 Februari.
- Ahmad Fathi Bahnasi. 2000. al-Uqubah. Dlm. *Mat Saad Abdul Rahman, Uqubah Menurut Undang-Undang Jenayah Islam: Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, disunting oleh Abdul Monir Yaacob et al. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Kafahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Fathi Bahnasy. 1969. *Al-Siyasah al-Jina'iyyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktab Ammar.
- Ahmad Shahbari Salamon et al. 2005 (terj.), *Wahbah al-Zuhaili, al-Fiqih al-Islami wa-Adillatuhu al-Juz' al-Sadis, Dar Fikr, Saadullah al-Jabiri Stret, Damascus, Syria*, (Fiqh dan Perundangan Islam Jilit VI/Wahbah Al- Zuhaili. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Hamzah. 2009. Ibnu Hajar Al Asqalani, Fathul Baari Penjelasan Kitab: Syarah Shahih Al Bukhari, Bab: Hukuman Dera Bagi Peminum Khamer, Jilid 33, No. 6778, Dar Al-Kotob Al-Ilmiyah. Jakarta, Indonesia: Pustaka Azzam,
- As-Sayyid Sabiq. 2009. *Fiqih as-Sunnah*. Dar al-Fath al-I'lam al-'Arabi, Terj. Nor Hasanuddin et al., Fiqih Sunnah Jilik V. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Azhar Bin Yahya et al. 2012. *Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Madhab Syafi'I Jilid 9 Jihad*, Undang-Undang Jenayah, Kuala Lumpur, Malaysia: Persekutuan Seruan Islam (Jam'iah).
- Bustami Abu bakar. 2006. Hasil Kajian Hukuman Sebat yang dilakukan oleh, Hukuman Cambuk Persepsi masyarakat dan Perubahan Sosial. Banda Aceh: IAIN Ar-Raniri.
- Mahmud Saedon Awang Otman. 2000. *Nizam Uqubah dalam Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia: Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Kafahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd Al-Adib Samuri. 2012. Teori pencegahan sebagai justifikasi hukuman: Analisis perbandingan antara perundangan sivil dan Islam. *Islamiyyat* 34.

- Muhammad Abu Hasan. 2004. Ahkam al-Jarimah wa al-‘Uqubah fi Syari’ah al-Islamiyyah, dalam, Abu Mazaya Al-Hafiz et al., *Fiqh Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- Muhammad Afifi et al. 2008. Wahbah Zuhaili, *Al-Fiqhu Asy-Syafi’I Al-Muyassar*, (*Fiqh Imam Syafi’I*), Edisi Indonesia, Jilid 3, Beirut: Darul Fikr.
- Muhammad Amar Adly et al. 2013. Mustafa Bugha, Mukhtasar Shahih Muslim, Johor Bahru, Malaysia: Perniagaan Jahabersa, Cetakan Pertama.
- Muhammad Said. 2000. *Tafsir Qur'an*, Victory Agencie, Malaysia: Kuala Lumpur.
- Mustafa Al-Khin et al. 2009. *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*. Jilid 6. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Nasimah Hussin. 2004. The Discretionary Power of The Jugle in The Determination of Ta'Zir Punishment, *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Bangi: Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hasanuddin dan Aisyah Saipuddin 2009. *Fiqh Sunnah*, Jilid 5, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.,
- Puan Mardiah Binti Hamid, Rohani Bt Yacob, Ahli Keluarga Pesalah yang dikenakan hukuman sebat syariah, Lhokseumawe, Aceh, Temubual Pada Tarikh, 18 Januari 2012 dan 25 Januari 2012
- Puan Melati, Mawar Pesalah yang dikenakan hukuman sebat syariah dan Jempa Puteh, Pesalah yang tersabit kes jenayah syariah, Lhokseumawe, Aceh, Temubual Pada Tarikh, 18 Januari 2012 dan 25 Januari 2012
- Puan Meulu, Melati, Mawar, Pesalah yang dikenakan hukuman sebat syariah Lhokseumawe, Aceh, Temubual Pada Tarikh, 18 Januari 2012 dan 25 Januari 2012
- Siti Zalikhah Haji Md. Nor et al. 2008. Beberapa Aspek Mengenai Hukuman Jenayah, Zaini Nasohah, *Jurnal: Al-Syariah: Fiqh Jenayah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keputusan Mahkamah Syariah Aceh, Nomor: 02/JN/2006/MSy-LSM
- Yusuf Sinaga & Muhammad Harun Zain. 2009. *ALMu’tamad Fiqah Imam Syafi’I*, Jilid 5, Malaysia: Berlian Publications SDN BHD.
- Yusuf Sinaga et al. 2011. Syeikh Abdul Rahman al-Jazairi, *Fiqh 4 Mazhab Juzuk 4 dan 5*, Johor Bahru, Malaysia: Perniagaan Jahabersa.
- Zaini Nasohah. 2008. Beberapa aspek mengenai hukuman jenayah. *Al-Syariah: Fiqh Jenayah*.
- Zul Fadzli Mat Rawi. 2007. *Syariah Perundangan Islam (Siri Asas Islam dan Pengibadatan)*. Melaka, Malaysia: Associated Educational Distributors.

#### PENGARANG

Hamdani  
 Fakultas Hukum  
 Universitas Malikussaleh  
 Kota Lhokseumawe, Aceh 24355  
 Indonesia  
 hamdani@unimal.ac.id

Muhamad Helmi Md Said  
 Fakulti Undang-Undang  
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
 Malaysia  
 mhelmisaid@ukm.edu.my

Zinatul Ashiqin Zainol  
 Fakulti Undang-Undang  
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
 Malaysia  
 shiqin@ukm.edu.my